

23/09/1997

Kementerian sedia tangguh peperiksaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Pendidikan bersedia menghadapi kemungkinan menangguhkan peperiksaan utama jika keadaan jerebu di negara ini bertambah buruk.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata walaupun sukar untuk mengambil langkah sedemikian, kementerian bersedia menghadapi keadaan itu.

"Kita sudah tangguhkan peperiksaan kerana banjir dan ketika kertas soalan bocor tetapi kita berupaya menghadapi keadaan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus G-15 dan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di sini, hari ini.

Ditanya sama ada jerebu menyebabkan bilik darjah kosong terutamanya di kawasan yang bacaan Indeks Pencemaran Udaranya (API) tinggi seperti di Lembah Klang dan Nilai, beliau berkata kementerian tidak mempunyai statistik itu.

Bagaimanapun, katanya, jumlah pelajar yang tidak ke sekolah kerana jerebu adalah kecil.

Beliau menjelaskan, kementerian tidak mahu menutup sekolah sewenang-wenangnya dalam keadaan berjerebu tetapi menasihatkan ibu bapa supaya membekalkan topeng untuk anak-anak mereka.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak berkata pihaknya belum membuat sebarang keputusan untuk menangguhkan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), dijadualkan Oktober ini, berikutan penutupan sekolah di Sarawak kerana jerebu.

"Kerajaan sedang memikirkan cara terbaik sebelum membuat keputusan. Saya telah maklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bertindak Bencana Negara (JPBBN) yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi, bahawa ada perkara yang harus dipertimbangkan sebelum membuat keputusan mengenai penangguhan peperiksaan itu," katanya.

(END)